

**D.R. 1/97**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997. Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi lima belas bilion tiga ratus tujuh puluh tujuh juta sembilan ratus dua puluh tiga ribu satu ratus sembilan puluh dua ringgit (RM15,377,923,192) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1996, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1996, Akta Perbekalan Tambahan (1996) 1996 dan Akta Perbekalan Tambahan (1996) (No. 2) 1996. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1996.  
Akta A938.  
Akta A957.  
Akta A975.

(2) Jumlah wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan  
tambahan  
bagi tahun  
1997.

**3.** (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi tiga ratus enam puluh dua juta tujuh ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM362,745,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1997, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1997.

*Akta A976.*

(2) Jumlah wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada Maksud (RM)
B. 3	Jabatan Audit	4,260,100
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	500,000
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	28,167,880
B. 11	Badan Pencegah Rasuah	720,000
B. 13	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	312,768
B. 15	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	191,036
B. 16	Jabatan Perkhidmatan Bomba	10,549,400
B. 18	Kementerian Perusahaan Utama	11,613,580
B. 19	Kementerian Pertanian	37,183,760
B. 22	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	10,500,000

*Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997)*      3

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada Maksud (RM)
B. 23	Jabatan Arkib Negara	576,076
B. 24	Jabatan Muzium dan Antikuiti	250,000
B. 25	Kementerian Pertahanan	291,795,961
B. 26	Kementerian Pendidikan	860,213,740
B. 27	Jabatan Perpustakaan Negara	1,678,300
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	13,943,613,123
B. 33	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	1,700,000
B. 34	Kementerian Kesihatan	119,880,987
B. 35	Kementerian Dalam Negeri	4,400,000
B. 37	Jabatan Imigresen	3,500,000
B. 41	Jabatan Pertahanan Awam	758,300
B. 42	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	1,200,000
B. 43	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	1,074,961
B. 44	Kementerian Penerangan	7,000,000
B. 45	Kementerian Sumber Manusia	16,141,600
B. 48	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	18,677,620
B. 49	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos	1,464,000
JUMLAH		15,377,923,192

*Rang Undang-Undang*

## JADUAL KEDUA

(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada Maksud (RM)
B. 34	Kementerian Kesihatan	362,745,000
	JUMLAH	<u>362,745,000</u>

---

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat bagi perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1996 dan 1997 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1996, Akta Perbekalan Tambahan (1996) 1996, Akta Perbekalan Tambahan (1996) (No. 2) 1996 dan Akta Perbekalan 1997. [PN. (U<sup>2</sup>) 2001.]